

Tunku Mahkota Johor orang biasa - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 9 April - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) menganggap Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim sebagai orang biasa.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, atas sebab itu beliau berhak untuk mengeluarkan sebarang

kenyataan yang tidak bersirat hasutan.

"Dia boleh cakap seperti orang biasa, kita anggap dia orang biasa. Asalkan dia tidak buat kenyataan yang dianggap hasutan," katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Beliau diminta mengulas

mengenai kritikan yang dilemparkan Tunku Ismail terhadap Putrajaya, sejak akhir-akhir ini.

Jelas Pengerusi PH itu, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pewaris Sultan Johor itu sekiranya melakukan kesalahan.

"Kita akan mengambil tindakan terhadapnya jika beliau mengeluarkan kenyataan hasutan, beliau tidak kebal undang-undang malah tiada siapa di Malaysia yang kebal undang-undang," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, Tunku Ismail boleh menyertai

politik sekiranya ia adalah pilihan Tunku Mahkota Johor itu.

"Tiada apa yang menghalang untuk mana-mana rakyat Malaysia untuk mengemukakan pendapat. Tunku Mahkota Johor juga salah seorang rakyat Malaysia, tiada apa lebih daripada itu," katanya.